

12/08/1998

Pemandu pelancong usah tamak komisen

Wan Jailani Razak

SIKAP sesetengah ejen pelancongan yang membawa pelancong ke kawasan tertentu atas dasar komisen, turut mendapat perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Langkawi yang berakhir Ahad lalu.

Perdana Menteri kesal dengan sikap mereka yang suka mengambil untung secara berlebihan dan berkata: "Biasanya ejen pelancongan minta komisen, kita tak berapa marah sangat. Tetapi yang minta yang bukan-bukan sampai mereka dapat lebih daripada pengusaha, ini 'profiteering'."

Kenyataan beliau berasas. Sememangnya tugas ejen pelancongan dan pemandu pelancong penting dalam menghidupkan sektor pelancongan di samping dapat memberi penerangan terperinci mengenai sejarah yang tersimpan di sesuatu tempat yang dilawati khususnya di Langkawi, pulau legenda yang kaya dengan mitos silam.

Pemandu pelancong berperanan menggalakkan kumpulan pelancong yang dibawa untuk berbelanja dan membeli-belah supaya aliran luar wang tunai masuk dan seterusnya memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

Bagaimanapun, perbuatan segelintir daripada mereka yang didakwa mementingkan komisen dikhuatiri boleh mengurangkan populariti Langkawi sebagai destinasi pelancongan.

Ada pemandu pelancong yang berpakat dengan pengusaha kedai makanan, cenderamata atau pusat beli-belah supaya memberi komisen sebagai ganjaran jika membawa kumpulan pelancong luar negara ke tempat mereka.

Adalah diharapkan supaya perbuatan mereka ini yang lebih mementingkan diri sendiri tidak menjejaskan kedatangan pelancong ke Langkawi dengan mengenakan bayaran yang tinggi untuk mendapat komisen. Jika asyik memikirkan peratusan komisen yang bakal didapati untuk kepentingan diri sendiri, industri pelancongan sukar berkembang.

Sehubungan itu, pihak yang bertanggungjawab seharusnya menggerakkan semangat dan motivasi pemandu pelancong untuk memajukan diri, bukan dengan cara pentingkan diri sendiri.

Ini kerana pemandu pelancong yang cekap dan boleh diharapkan setiap masa adalah aset penting kepada industri perhotelan, terutama di kawasan pelancongan tempat kerja mereka.

Pemandu pelancong yang terlatih amat diperlukan kerana mereka boleh menarik minat pelancong untuk melawat sesuatu tempat, sekali gus berminat datang ke situ berulang kali.

Mereka seharusnya mempunyai pengetahuan yang mencukupi termasuk dari segi kebudayaan dan kesenian rakyat selain boleh menceriaikan pelancong dengan budi bahasa dan pekerti yang sopan.

Kita bimbang ejen pelancongan dan pemandu pelancong yang gagal berfungsi dengan baik dan berkesan, boleh menyebabkan usaha memajukan industri berkenaan terjejas.

Setiap pemandu pelancong sepatutnya mengetahui semua destinasi pelancongan dan tempat bersejarah di pulau ini untuk memudahkan mereka memberi penjelasan kepada pelancong.

Pada masa yang sama, pemandu pelancong perlu mempelajari pelbagai bahasa untuk memudahkan mereka berkomunikasi dan memberi penerangan kepada pelancong asing. Mereka seharusnya dapat menguasai bahasa seperti bahasa Jepun, Inggeris, Perancis dan Mandarin.

Jika dapat bertutur dalam pelbagai bahasa, mereka mempunyai kelebihan untuk menyampaikan maklumat dengan lebih tepat mengenai pulau ini kepada

pelancong asing. Ada kalanya pelancong asing dapat maklumat yang salah kerana kesukaran mereka berkomunikasi dengan pemandu pelancong yang tidak memahami bahasa mereka.

Oleh itu, hadirilah pelbagai kursus yang diadakan khusus untuk mereka yang bertujuan memberikan pendedahan kepada pemandu pelancong mengenai tugas dan tanggungjawab yang perlu dijalankan bagi mempromosikan pulau ini kepada pelancong.

(END)